

- Final
- India 2 Malaysia 1
- Tempat Ketiga
- Pakistan 6 Korea Selatan 3



Pemain Malaysia bergambar selepas muncul naib juara Piala Asia, di Dhaka, malam tadi.

## HOKI PIALA ASIA

# India bukan tandingan kita

➔ Terpaksa berpuas hati sebagai naib juara

Daripada Jugjet Singh  
jugjet@nst.com.my

✦ Dhaka

**P**asukan Malaysia sudah memberikan yang terbaik tetapi ia masih tidak mencukupi untuk menyekat India daripada menjuarai Piala Asia di sini, malam tadi.

Selepas mara ke final buat kali pertama dalam tempoh 35 tahun, pasukan berkenaan menewaskan skuad negara, 2-1.

Pemain kebangsaan diletakkan dalam keadaan tertekan selepas lawan sudah pun berada di depan seawal minit ketiga apabila Ramandeep Singh menjanginkan gol pembukaan, mengingatkan lagi kekecewaan negara apabila ditundukkan 6-2 dalam perlawanan round robin.

Penjaga gawang, S Kumar terpaksa bekerja keras menyelamatkan gawang sepanjang aksi, sebelum India terus mendahului 2-0 menerusi Lalit Upadhyay pada minit ke-29 dan keputusan kekal hingga separuh perlawanan berehat.

Shahril Saabah melakukan serang balas dengan melakukan jaringan padang pada minit ke-50, namun India melakukan bantahan tetapi rayuan mereka menerusi tayangan video dinafikan untuk kedudukan 2-1.

Dan dengan tiga minit berbaki

perlawanan, jurulatih Stephen van Huizen membawa keluar Kumar bagi membawa masuk lebih pemain dalam percubaan terakhir memenangi perlawanan. Namun tetap buntu sehingga wisel penamat dibunyikan.

Dalam pada itu, kekecewaan skuad negara sedikit terubat apabila Faizal Saari meraih dua anugerah individu apabila diumumkan sebagai penjaring terbanyak bersama kejohanan dan pemain terbaik kejohanan.

### Pengalaman berharga

Sementara itu, jurulatih skuad hoki lelaki negara, Stephen van Huizen tidak terlalu bimbang dengan skuadnya yang terlepas peluang menjuarai Piala Asia.

“Ya, kami tewas dengan peluang tipis untuk menang, tetapi sekali lagi, bermain di final saja adalah pengalaman berharga.

“Bukan selalu Malaysia dapat bermain dalam final pada kejohanan bertaraf tinggi, dan pengalaman ini akan membantu misi kami untuk memberi saingan memenangi emas pada Sukan Asia tahun depan,” kata van Huizen.

Ini adalah kejohanan kedua tertinggi dalam perlawanan final buat Malaysia kebelakangan ini. Kali pertama adalah pada Sukan Asia 2010 di Guangzhou di mana Malaysia tewas kepada Pakistan 2-0.

Pencapaian terbaik Malaysia pada kejohanan ini ialah tempat ketiga pada edisi 2007 di Chennai, India.

Kejohanan itu juga menawarkan satu slot kepada juara untuk layak secara automatik ke Piala Dunia 2018 di Bhubaneswar, India. Malaysia bagaimanapun sudah layak secara merit.

BERITA HARIAN  
23/10/2017 p. 84